

BAHAGIAN A

Jawab semua soalan.

1. Shanraj sangat disenangi oleh masyarakat setempat kerana sikapnya yang _____.

A. tidak berat sebelah B. suka menuduh tanpa bukti
C. suka bercakap bohong D. Tidak suka bergaul

2. Sebagai anggota masyarakat , kita patut _____ dan memahami agama dan kepercayaan masyarakat sekeliling.

A. bertelagah B. menghormati
C. mengeji D. mengejek

3. Apakah kesan mengamalkan sikap adil dalam masyarakat setempat

A. merenggangkan silaturahim B. mengukuhkan perpaduan
C. masyarakat yang harmoni D. keadaan huru-hara

4. Wei Wei sangat _____ oleh masyarakat setempat dan dijadikan contoh teladan kerana sikapnya yang menghormati penganut agama lain.

A. dibenci B. disayangi
C. dihina D. dikeji

5. Sikap tidak menghormati amalan agama dan kepercayaan masyarakat setempat akan _____.

A. mengukuhkan perpaduan B. hidup harmoni
C. mengeratkan hubungan D. merenggangkan silaturahim



6. Sebagai anggota masyarakat yang mengamalkan sikap baik hati, yang manakah bukan cara kamu memberikan bantuan kepada mangsa banjir.

A. Menghulurkan sumbangan wang B. Mengukir senyuman
C. Menziarahi mereka D. Mengejek mereka

7. _____ yang sopan dan lemah lembut akan memudahkan komunikasi yang berlaku.

A. Perasaan B. Pergaulan
C. Pertuturan D. Pertelingkahan

8. Apakah kebaikan yang diperolehi apabila mengamalkan sikap baik hati terhadap masyarakat setempat?

A. Meringankan beban anggota masyarakat.
B. Menyusahkan diri sendiri.
C. Membebaskan diri sendiri
D. Membanggakan diri sendiri.

9.

Karim sentiasa bercakap benar dan jujur dengan masyarakat setempat. Dia disayangi ramai orang.

Berdasarkan pernyataan di atas sikap jujur dalam diri akan dapat _____ hubungan silaturahim dalam kehidupan bermasyarakat.

A. meruntuhkan B. mengikat
C. mengekalkan D. Meningkatkan

10. Ketekunan dan _____ perlulah diamalkan dalam diri setiap individu agar setiap tanggungjawab dapat dilaksanakan dengan sempurna?

A.kegigihan B.kemalasan



C.keupayaan

D.ketenangan

11. Orang yang sentiasa mengamalkan nilai baik hati akan sentiasa memberikan sumbangan dengan _____ untuk kebaikan orang lain.

A.ikhlas

C. sambil lewa

B.berani

D. Bertanggungjawab

12. Murid yang menghormati guru akan memberi _____ ketika guru mengajar.

A. tumpuan

B. layanan

C. jeritan

D. wang

13. Pembakaran secara terbuka boleh menyebabkan pencemaran _____ dan merosakkan kualitinya.

A. air

B. udara

C. tanah

C. sungai

14. Berbaik-baik dengan jiran akan mewujudkan _____ dalam kehidupan bermasyarakat.

A. perselisihan

B. pergaduhan

C. kemesraan

D. kemarahan

15. Individu yang bekerjasama dengan pihak berkuasa akan dapat mengurangkan jenayah dan menjamin _____ Negara.

A. maruah

B. keamanan

C. kepimpinan

D. keruntuhan

16. Berikut merupakan amalan-amalan yang baik dan mulia, kecuali _____.

A. memukul haiwan

B. membantu ibu

C. bersedekah

D. menderma



17. Amalan _____ dapat mengelakkan berlakunya perselisihan faham dalam sesuatu majlis yang diadakan
- A. bertegur sapa B. Mengumpat
C. menengking D. Membuka aib
18. _____ ketika berjalan di hadapan orang yang lebih tua supaya mereka selesa dan senang dengan sikap kita.
- A. Berlari B. Menjerit
C. Menghentak kaki D. Tunduk dan hormat
19. Sikap peramah dan berbudi bahasa dapat menjadikan hubungan sesama anggota masyarakat lebih _____
- A. rengang B. Erat
C. bermasalah D. Bermasam muka
20. Sentiasa _____ dapat mengukuhkan silaturahim sesama masyarakat.
- A. bertanya khabar B. bermusuhan
C. mengadu domba C. Bertengkar
21. Don dan rakan-rakannya _____ semasa hendak mengambil makanan di majlis rumah terbuka.
- A. berlari B. berebut
C. beratur D. Bertolak
22. Setiap bantuan yang dihulurkan perlulah dengan penuh _____
- A. keikhlasan B. kemesraan
C. kesungguhan D. kebanggaan
23. Semasa menghadiri majlis pengebumian, kita perlulah mengucapkan _____ pada keluarga si mati.



- A. tahniah
C. salam
- B. takziah
D. terima kasih
24. Murid yang menghormati guru akan memberi _____ ketika guru mengajar.
A. tumpuan
C. jeritan
- B. layanan
D. wang
25. Karthik telah memecahkan cermin tingkap rumah jirannya semasa bermain bola. Apakah perkara yang perlu dilakukan oleh Karthik?
A. Berdiam diri
B. Mengaku kesilapan dan memohon maaf
C. Membuang bola tersebut
D. Memnuduh rakan anda yang memecahkan tingkap tersebut.
26. Apakah perasaan anda terhadap mangsa yang mengalami kejadian bencana tanah runtuh di kawasan tempat tinggal kamu.
A. Sedih dan simpati
C. Tidak ambil peduli
- B. Gembira dan puas hati
D. Mentertawa dan mengejek

(60 Markah)

27.

Sammy telah ditahan oleh pengawas kerana menconteng dinding tandas sekolah. Dia telah mengugut akan memukul pengawas tersebut selepas waktu persekolahan



Apakah tindakan yang perlu diambil oleh pengawas itu ?

- A. Menampar muka Sammy

- B. Melaporkan hal itu kepada guru
 - C. Mengajak rakan pengawas memukul Sammy
 - D. Memarahi Micky dengan mengeluarkan kata-kata kesat
28. Berikut merupakan kesan yang berlaku jika bekerjasama dengan masyarakat kecuali
- A. melambatkan kerja
 - B. meringankan beban tugas
 - C. memudahkan segala urusan
 - D. mengeratkan hubungan silaturahim
29. Antara yang berikut yang manakah bukan cara memberi bantuan kepada masyarakat setempat.
- A. Mengecat dan membersihkan rumah orang tua
 - B. Memberikan sumbangan kepada mangsa banjir
 - C. Menghulurkan sumbangan kepada anak yatim
 - D. Menonton wayang bersama-sama.
30. Berikut adalah cara kita menghargai jasa anggota masyarakat setempat yang berjasa **kecuali**
- A. Mengucapkan terima kasih
 - B. Mengejek dan mencebik
 - C. Mendengar dan mengikut nasihat
 - D. Memberikan kad ucapan

(60 markah)



BAHAGIAN B

1. Jawab semua soalan.

- A. Isi tempat kosong dengan menyenaraikan cara menghargai anggota masyarakat setempat yang berjasa .

selesai	Gotong royong	cabaran
tugasan	dapat	melibatkan
bekerjasama	bangga	

1. Saya sentiasa bersungguh-sungguh dan bersemangat menyertai setiap aktiviti _____.
2. Saya sanggup mengorbankan masa dan tenaga untuk _____diri dalam aktiviti masyarakat setempat.
3. Saya sentiasa bersemangat melakukan sesuatu _____.
4. Jika kita mengamalkan toleransi, masalah yang besar _____diselesaikan.
5. Saya akan berusaha melakukan sesuatu kerja hingga _____walaupun letih.
6. Saya akan menyiapkan tugas yang diberikan walaupun menghadapi pelbagai _____.
7. Saya berpuas hati apabila dapat _____ dengan masyarakat setempat dalam menyelesaikan sesuatu program.



8. Saya berasa _____ kerana dapat mempertahankan
nama baik masyarakat setempat.

(8 markah)

2. Tandakan / pada pernyataan yang benar dan X pada pernyataan yang salah.

1.	Saya akan menutup suis lampu dan kipas apabila saya adalah orang yang terakhir menggunakan dewan.	
2.	Saya akan berfikir dahulu sebelum membuat sebarang keputusan	
3.	Kita boleh mengambil makanan secara berlebihan semasa majlis rumah terbuka .	
4.	Mei Ling memakai pakaian yang sopan ketika maghadiri majlis rasmi.	
5.	Kita patut membelanjakan semua duit saku yang diberikan oleh ibu bapa kita.	
6.	Razak menghabiskan masa dengan bermain permainan komputer di rumah.	
7.	Susan tidak suka membazir dalam penggunaan air dan elektrik di tempat awam.	
8.	Kita perlu sentiasa merancang perbelanjaan harian.	
9	Raju berdiri tegak ketika menyanyikan Lagu Negaraku.	



10	Pembuangan sampah ke daam sungai akan mengakibatkan pencemaran air.	
11	Seorang pegawai polis meminta duit untuk tidak memberi saman.	
12	Pegawai kerajaan sangat jujur dalam melaksanakan kerjanya akan dihormati.	

(12 markah)

3. Gariskan jawapan yang tepat

- 1 Kita mestilah (**bertoleransi / berterima kasih**) sewaktu menyambut perayaan.
- 2 Beri (**sekatan / laluan**) ketika perarakan satu-satu perayaan dijalankan.
- 3 Kita mestilah menjaga (**kebersihan / kekotoran**) selepas majlis perayaan berlangsung.
- 4 Amalan bertolak ansur adalah amalan yang (**jahat / mulia**).
- 5 Toleransi boleh membawa (**keresahan / keamanan**) di kalangan penduduk setempat.



(5 markah)

4. Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

tanah

oksigen

lapisan ozon

sisa toksik

kitar semula

1 Penebangan pokok yang berlebihan boleh menyebabkan hakisan

_____.



- 2 Tumbuh-tumbuhan membekalkan _____ yang amat diperlukan dalam kehidupan kita.
- 3 Surat khabar, botol kaca dan plastik merupakan bahan-bahan yang boleh di _____ .
- 4 Pembuangan _____ ke dalam sungai boleh menyebabkan kehidupan air musnah.
- 5 Asap kenderaan dan asap dari kilang boleh menyebabkan _____ menjadi nipis.

(5 markah)

SELAMAT MENJAWAB . SEMOGA BERJAYA

